

Tahniah untuk semua bakal graduan 2013

UB 20.11.2013 B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

SETIAP tahun, ribuan graduan yang lengkap berpakaian jubah dan papan mortar akan tersenyum megah, bermula daripada perhimpunan di luar dewan sehingga ke bibit kaki melangkah ke atas pentas menerima ijazah yang diidam-idamkan selama ini.

Perarakan penuh istiadat kakitangan akademik yang turut

diiringi graduan dalam pakaian tersergam indah dengan wajah penuh kegirangan adalah satu pemandangan yang penuh bermakna, bukan sahaja bagi graduan itu sendiri tetapi juga hadirin yang turut berada di dewan menyaksikan peristiwa bersejarah itu. Apatah lagi para ibu bapa yang telah lama bersusah payah menyara hidup ahli keluarga dan penat lelah seolah-olah terubat dengan penganugerahan ijazah tersebut. Ijazah merupakan satu pengiktirafan kepada para pelajar di peringkat pengajian

Tinggi selepas bertungkus lumus selama tiga hingga empat tahun mempelajari teori-teori dan membuat penyelidikan, Ijazah juga melambangkan kejayaan seseorang dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kematangan seseorang remaja ke alam dewasa. Justeru itu sekalung tahniah untuk semua bakal graduan dan juga ahli keluarga sempena penganugerahan ijazah tersebut yang akan diadakan pada 23 hingga 25 November 2013 di Universiti Malaysia Sabah. Hari tersebut bakal menjadi sejarah

yang penting dalam hidup anda semuanya sebelum melangkah keluar ke dunia kerjaya yang sebenarnya.

Namun begitu bukan semua pelajar yang bertuah untuk mendapat dan menggenggam segulung ijazah kerana ada segelintir yang kecundang lebih awal dalam mengejar segulung ijazah. Walau bagaimanapun usah mudah terpedaya dan leka dengan kejayaan anda menggenggam segulung ijazah tersebut. Keadaan ini disebabkan anda perlu memulakan langkah sebagai seorang dewasa yang

sewajarnya memiliki sumber pendapatan sendiri.

Oleh yang demikian berusahalah demi sebuah pekerjaan samada menjadi majikan ataupun menjadi pekerja. Sebagai seorang bakal graduan adalah lebih elok menjadi majikan dan memberi pekerjaan kepada orang lain kerana anda memiliki intelektual yang tinggi dan sudah tentu berusaha gigih kerana faktor usia yang masih muda. Selain daripada itu agama Islam juga menggalakkan umat manusia menjalankan pekerjaan sendiri

terutamanya berniaga, malah ramai jutawan terdiri daripada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri. Justeru itu usah menunggu pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam kerana banyak faktor yang menghalang daripada anda diterima menjadi penjawatnya. Oleh itu selamat maju jaya dan tahniah untuk semua bakal graduan UMS yang akan menerima ijazah pada hujung minggu ini.

*Penulis Pegawai Psikologi Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS